

Manuscript Submitted	1 Nov 2019
Accepted	24 Dec 2019
Published	31 Dec 2019

TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN KESEDIAAN PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN APLIKASI MUDAH ALIH *BASIC* *MANDARIN LANGUAGE*

**Shakirah Mohd Sofi, Nur Aisya Insyira Manaf, Helyawati Baharudin,
Farhana Abdullah Asuhaimi**

Fakulti Sains & Teknologi Maklumat
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS
*syakirah@kuis.edu.my, 15bt01022@student.kuis.edu.my, helyawati@kuis.edu.my,
farhana@kuis.edu.my*

Abstract

Basic Mandarin Language mobile application based on KUIS Module is developed using the Android platform. This application provides a new learning medium and uses Mandarin as the main language and Malay as a guide for understanding. This paper presents the results of the survey obtained through a survey of undergraduates in Selangor International Islamic University College (KUIS) on the knowledge, attitude and readiness of using mobile applications in Basic Mandarin learning. Descriptive statistics are used to see mean analysis and standard deviation. The results of this study will be analyzed using the SPSS version 21.0 software. The descriptive analysis found three mins namely knowledge (4.41), attitudes (4.47) and readiness (4.61) base on using the use of Basic Mandarin Language mobile applications. The findings show that users are very satisfied and like to use this mobile application. The use of mobile applications in the learning and understanding process is especially suitable for students to learn Mandarin.

Keywords: *Basic Mandarin Language's knowledge, attitude, willingness, mobile application.*

Abstrak

Aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language* berdasarkan Modul KUIS dibangunkan dengan menggunakan platform Android. Aplikasi ini menyediakan medium pembelajaran yang baharu dan menggunakan Bahasa Mandarin sebagai bahasa utama dan Bahasa Melayu sebagai panduan pemahaman. Kertas kerja ini membentangkan hasil kajian yang diperolehi melalui kajian tinjauan dikalangan mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) terhadap pengetahuan, sikap dan kesediaan penggunaan aplikasi mudah alih dalam pembelajaran asas Bahasa Mandarin. Statistik deskriptif digunakan untuk melihat analisis min dan sisihan piawaian. Hasil kajian selidik ini akan di analisa dengan menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Analisis deskriptif mendapati ketiga-tiga min iaitu pengetahuan (4.41), sikap (4.47) dan kesediaan (4.61) terhadap penggunaan aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language* sangat tinggi. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa

pengguna sangat berpuas hati dan suka menggunakan aplikasi mudah alih ini. Penggunaan aplikasi mudah alih dalam proses pembelajaran dan pemahaman amat sesuai digunakan kerana dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari Bahasa Mandarin.

Keywords: *Pengetahuan, sikap, kesediaan, aplikasi mudah alih Basic Mandarin Language.*

1. Pengenalan

Pertumbuhan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf sistem pendidikan di Malaysia sebagai satu inovasi dalam penyampaian ilmu. Terdapat pelbagai kaedah baharu dalam menyampaikan sesuatu maklumat berkesan melalui pembelajaran dan pengajaran di kalangan pendidik dan pelajar. Menurut Kler S (2014) menyatakan bahawa antara kelebihan integrasi di antara TMK dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar secara tidak langsung dalam pembelajaran.

Perkembangan TMK telah menjadikan dunia pendidikan lebih berkesan dengan wujudnya integrasi di antara kurikulum dan cara penyampaian dengan menggunakan strategi, teknologi, kaedah dan teknik penyampaian yang bersesuaian. Ini juga dinyatakan oleh Nawi A dan rakan-rakan (2014) bahawa pembelajaran secara elektronik atau e-pembelajaran boleh dilakukan dengan adanya kemudahan capaian internet. Rentetan penggunaan kaedah pendidikan e-pembelajaran, dimensi pendidikan mengorak selangkah lagi kepada kaedah pembelajaran secara mudah alih iaitu dengan menggunakan peranti mudah alih dan tanpa mengira lokasi dan masa.

Menerusi Program Pendidikan Tinggi Malaysia 4.0 (MyHE 4.0) pelajar berperanan sebagai penyambung, pencipta dan konstruktivis. Pelajar merupakan kurator pengetahuan atau lebih dikenali sebagai pengeluar dan penyumbang kandungan di mana pelajar dijangkakan berkemahiran, berpengetahuan dan mempunyai sikap baru dalam membina pengetahuan. Di samping itu pelajar juga merupakan penyambung kepada kurikulum secara global dalam kepelbagaian rangkaian serta boleh memuat turun maklumat secara terbuka dan di mana sahaja. Di dalam konteks ini pendidik merupakan pakar bidang yang dirujuk.

2. Tinjauan Literatur

Islam dan rakan-rakan (2010) menerangkan bahawa aplikasi mudah alih atau *mobile apps* yang di muat turun ke dalam sebuah peranti mudah alih. Ia mudah dikendalikan kerana boleh di akses tanpa mengira

masa dan tempat. Aplikasi mudah alih ini merupakan perisian aplikasi yang di reka bentuk untuk kemudahan pengguna untuk melakukan aktiviti harian seperti melayari internet, berkomunikasi, membuat pengurusan fail, mengendalikan dokumen, program hiburan dan sebagainya. Kajian yang telah dilakukan oleh Wu Haopeng (2019) di beberapa Sekolah Tinggi di Thailand mendapati bahawa melalui penggunaan aplikasi mudah alih dalam mempelajari Bahasa Mandarin dapat meningkatkan minat pelajar bagi mempelajari Mandarin, pelajar boleh belajar di mana sahaja tanpa mengira masa dan tempat, membantu pelajar dalam proses mempelajari perbendaharaan kata Mandarin serta merupakan satu inovasi pengajaran yang terkini dalam meningkat motivasi, serta kecekapan pelajar dalam mempelajari Bahasa Mandarin.

Mobile learning atau m-pembelajaran di definisi sebagai pembelajaran mudah alih sebagai apa-apa jenis pembelajaran yang berlaku dalam persekitaran pembelajaran dan ruang yang mengambil kira mobiliti teknologi, mobiliti pelajar dan mobiliti pembelajaran [El-Hussein et. al. (2010)]. Oleh itu, gabungan perkataan mobile learning memberi maksud proses pembelajaran yang berlaku sepanjang masa dan tidak terhad kepada masa dan lokasi tertentu. Satu kajian menguji tingkah laku mahasiswa di Univerisiti Hong Kong dalam menggunakan aplikasi mudah alih untuk pembelajaran akademik oleh sekumpulan penyelidik yang diwakili oleh Wai ISH dan rakan-rakan (2018) mendapati bahawa anak muda masa kini mempunyai sikap positif terhadap menggunakan aplikasi mudah alih dalam kehidupan seharian terutama belajar. Menerusi kajian ini juga mendapati pilihan pelajar menggunakan aplikasi menunjukkan corak penggunaan aplikasi yang konsisten untuk tujuan komunikasi dan interaksi, mencari dan menyemak bahan pembelajaran dan rujukan serta perkongsian maklumat.

Laptop, telefon bimbit, tablet PC, PDA, pemain mp3, perakam audio dan lain-lain adalah diklasifikasikan sebagai peranti mudah alih atau mobiliti teknologi [Shuib et al. (2010)]. Menerusi kajian Rahmat R dan rakan-rakan (2017) menyatakan bahawa generasi muda atau pelajar berminat mencari maklumat atau sokongan dalam pembelajaran dengan penggunaan teknologi mudah alih. Situasi ini membolehkan mereka terlibat dengan pembelajaran secara formal dan pembelajaran sepanjang hayat di dalam sistem rangkaian secara global.

Ross C dan Ma JHS (2006) menerusi jurnal "Modern Mandarin Chinese Grammar" menjelaskan bahawa suku kata dalam bahasa Mandarin Cina terdiri daripada tiga bahagian: konsonan awal, akhir dan nada. Pembelajaran Bahasa Mandarin menggunakan buku bercetak adalah sesuatu amalan yang digunakan dari sejak dahulu. Namun dengan kehadiran gelombang TMK telah mencabar sistem pendidikan sedia ada, sejajar dengan gelombang itu maka perubahan berlaku pada sistem pendidikan sama ada dari proses pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language* dibangunkan berdasarkan modul asas KUIS Bahasa Mandarin. Selain penyampaian Bahasa Mandarin

dilakukan secara lisan dan aktiviti menulis di dalam kelas, ia boleh disampaikan dengan menggunakan aplikasi mudah alih.

3. Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama yang perlu dicapai iaitu:

- i. Mengetahui tahap pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language*.
- ii. Mengetahui tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language*.
- iii. Mengetahui tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language*.

4. Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian berikut telah digunakan dalam memperolehi maklumat mengenai kajian yang dijalankan.

- i. Apakah tahap pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language*?
- ii. Apakah tahap sikap pengguna pelajar pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language*?
- iii. Apakah tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language*?

5. Metodologi

5.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berjenis kuantitatif dan dijalankan secara tinjauan maya dengan menggunakan borang soal selidik yang dihasilkan melalui *google form*. Satu set soal selidik dihasilkan bagi tujuan pengumpulan data. Reka bentuk soalan soal selidik dihasilkan berdasarkan kesesuaian objektif kajian selaras dengan persoalan kajian. Soalan-soalan kajian dibina berdasarkan kajian lepas yang telah dikaji oleh penyelidik-penyelidik lain.

Pengujian instrumen soal selidik dengan menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science* (SPSS) versi 21.0. Analisis deskriptif digunakan bagi mengumpul data berbentuk min dan

sisihan piawaian. Bagi tujuan interpretasi penilaian aplikasi mudah alih ini, penyelidik menggunakan Skala Likert 5 mata di mana nilai 1 hingga 5 seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Skala Likert 5 mata digunakan dalam soal selidik

Skala 1	Skala 2	Skala 3	Skala 4	Skala 5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kadang-Kadang Setuju	Setuju	Sangat Setuju

5.2 Lokasi, Populasi dan Sampel Kajian

Kajian penyelidikan ini telah dijalankan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Populasi kajian ini terdiri daripada 58 orang pelajar KUIS yang mengambil subjek Bahasa Mandarin. Saiz sampel sebanyak 30 sampel yang diambil mengikut kajian yang dilakukan. Menurut Gay dan Diehl (1992), secara umumnya bilangan responden yang boleh diterima untuk sesuatu kajian adalah bergantung mengikut jenis kajian penyelidikan yang terlibat seperti deskriptif, kolerasi atau eksperimen. Bagi penyelidikan berbentuk deskriptif saiz sampel sepatutnya 10% daripada populasi, tetapi jika jumlah populasi adalah kecil maka 20% mungkin diperlukan. Dalam penyelidikan kolerasi sekurang-kurangnya 30 responden diperlukan untuk mewujudkan hubungan. Manakala untuk kajian eksperimen, 30 responden bagi setiap kumpulan boleh digunakan sebagai minimum responden.

5.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik yang diubahsuai mengikut kesesuaian objektif kajian selaras dengan persoalan kajian. Soalan-soalan kajian dibina berdasarkan kajian lepas yang telah dikaji oleh penyelidik. Instrumen soal selidik ini merangkumi empat bahagian iaitu:

- i. Bahagian A: Maklumat responden. Bahagian A berkaitan dengan jantina, tahap pendidikan dan pengkhususan pengajian.
- ii. Bahagian B: Pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange*. Bahagian ini menguji tentang pengetahuan pelajar terhadap persekitaran pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange* yang telah dimuat turun oleh setiap responden.
- iii. Bahagian C: Sikap pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange*. Bahagian ini menguji sikap pelajar sama ada seronok, bosan atau membantu pelajar mempelajari Bahasa Mandarin terhadap persekitaran pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange*.

- iv. Bahagian D: Kesiediaan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language*. Bahagian ini menguji kesiediaan pelajar sama ada suka menggunakan aplikasi mudah alih ini terhadap persekitaran pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language*.

5.4 Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Item

Pengujian item soal selidik atau lebih dikenali sebagai kajian rintis dilakukan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dijalankan supaya instrumen yang dibina adalah dapat ditentukan kesahan dan kebolehpercayaan item instrumen. Dalam kajian ini, kebolehpercayaan instrumen ditentukan dengan menggunakan kaedah ketekalan dalam *Alpha Cronbanh*. Jadual 2 di bawah menjelaskan bahawa konstruk, item dan nilai kebolehpercayaan yang diperolehi dalam kajian ini.

Jadual 2: Nilai kebolehpercayaan bagi setiap konstruk dan item

Bil.	Konstruk	Bilangan Item	Nilai kebolehpercayaan
1.	Tahap pengetahuan pelajar	10	0.76
2.	Tahap sikap pelajar	10	0.95
3.	Tahap kesiediaan pelajar	10	0.89

Berdasarkan Jadual 2 di atas, konstruk tahap pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language* mencatat nilai kebolehpercayaan 0.76. Manakala konstruk tahap sikap dan kesiediaan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language* diperolehi 0.95 dan 0.89. Menurut kajian yang dilakukan oleh Maimun AL. et al (2017) dan Chua YP (2011) nilai *Alpha Cronbach* yang diterima melebihi 0.65 hingga 0.79 dikategorikan sebagai item kebolehpercayaan yang tinggi dan memuaskan. Hasil kajian ini adalah sangat penting dalam mengetahui nilai kebolehpercayaan bagi penentuan setiap konstruk dan item.

6. Prosedur Pelaksanaan Kajian

Kajian telah dijalankan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Responden merupakan kumpulan pelajar yang terdiri daripada pelajar yang mengambil matapelajaran Bahasa Mandarin di KUIS. Edaran soalan selidik ini dilakukan melalui medium media sosial iaitu *Whatsapps* di mana komunikasi dilakukan dalam kumpulan *Whatsapps* Mandarin.

Satu arahan mudah disediakan dengan memberi arahan muat turun aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language* di *Play Store* dan selepas muat turun aplikasi ini, pelajar boleh menggunakan aplikasi ini dan

menjawab soal selidik secara maya. Saiz sampel sebanyak 30 orang pelajar yang mewakili responden yang menjawab soal selidik ini mengikut tempoh kajian yang telah ditetapkan.

7. Analisa Data

Data yang dikumpul dan di analisis dengan menggunakan perisian SPSS dan dilapor dalam bentuk taburan min dan sisihan piawai. Bagi menentukan tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan yang ditunjukkan oleh responden, Skala Likert 5 mata telah dibahagikan kepada 3 kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 untuk menentukan interpretasi tahap min [(Mohd Majid K (2000)].

Jadual 3: Interpretasi tahap min

Interpretasi Tahap	Julat Min
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.67
Tinggi	3.68 – 5.00

Sumber : Mohd Majid K (2000)

8. Dapatan Kajian

8.1 Analisa Profil Responden

Taburan sampel terdiri daripada 30 orang pelajar yang mengambil matapelajaran Bahasa Mandarin di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Analisa latar belakang responden terdiri daripada demografi jantina, tahap pendidikan dan pengkhususan pengajian. Rumusan demografi responden adalah seperti berikut yang tertera di Jadual 4:

Jadual 4: Profil responden kajian.

Bil	Demografi	Kategori Responden	Kekerapan	Peratusan
A1	Jantina	Lelaki	16	53.3%
		Perempuan	14	46.7%
A2	Tahap pendidikan	Diploma	4	13.3%
		Ijazah Sarjana Muda	26	86.6%
A3	Pengkhususan	Pendidikan	3	10%
		Pengajian Islam	12	40%
		Pengurusan & Muamalah	5	16.7%
		Sains & Teknologi Maklumat	9	30%
		Syariah & Undang-Undang	1	3.3%

Responden kajian adalah terdiri daripada 16 orang pelajar lelaki (53.3%) dan 14 orang pelajar perempuan (46.75). Tahap pendidikan responden yang menjawab kaji selidik ini adalah sebanyak 4 orang pelajar Diploma (13.3%) manakala 86.6% terdiri pelajar yang mengambil Ijazah Sarjana Muda di KUIS. Pecahan pengkhususan pengajian pelajar adalah bidang Pendidikan (10%), Pengajian Islam (40%), Pengurusan Muamalah adalah 16.7%, bidang Sains & Teknologi Maklumat (30%) dan Syariah & Undang-Undang adalah 3.3%. Rumusan kajian responden mendapati bahawa responden lelaki, tahap pengajian Ijazah Sarjana Muda dan bidang pengkhususan Pengajian Islam paling tinggi responden yang menjawab soal selidik ini.

8.2 Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Pembelajaran Aplikasi Mobil *Basic Mandarin Language*

Berdasarkan Jadual 5 menunjukkan skor min keseluruhan bagi tahap pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language* adalah 4.41. Hasil analisis deskriptif berikut mendapati semua item berada pada tahap tinggi kecuali item B1. Item B10 mempunyai tahap paling tertinggi iaitu 4.63 dan diikuti oleh item B7 dan B8 iaitu mencatat 4.60. Item B1 merupakan item paling rendah nilai min iaitu 3.53 berada dalam tahap sederhana. Dapat dirumuskan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language* adalah tinggi. Pengetahuan pelajar terhadap aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language* dalam proses pembelajaran Bahasa Mandarin seperti berikut:

- i. paparan grafik, warna, imej dan ikon dalam aplikasi mudah alih ini sangat menarik dan interaktif.
- ii. penggunaan strok tulisan yang dimainkan dalam modul Kemahiran Menulis Perkataan sangat membantu pelajar dalam mempelajari penulisan Bahasa Mandarin.
- iii. aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language* mudah digunakan.

Jadual 5: Taburan min pengetahuan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Language*.

Bil	Item	SP	Min	Tahap
B1	Saya suka subjek Bahasa Mandarin.	1.8	3.53	Sederhana
B2	Saya tahu mengakses aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Language</i> .	0.68	4.47	Tinggi
B3	Pembelajaran menggunakan aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Language</i> dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Mandarin saya.	0.51	4.50	Tinggi
B4	Aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Language</i> bersesuaian dalam Bahasa Melayu.	0.57	4.47	Tinggi

B5	Perkataan Baru Dalam Bab, Dialog dan Kemahiran Menulis Perkataan merupakan modul asas dalam pembelajaran Bahasa Mandarin.	0.56	4.40	Tinggi
B6	Suara dan tulisan Mandarin yang digunakan dalam modul Perkataan Baru Dalam Bab dan Dialog sangat jelas.	0.56	4.40	Tinggi
B7	Strok tulisan yang dimainkan dalam modul Kemahiran Menulis Perkataan sangat membantu saya dalam mempelajari penulisan Mandarin.	0.50	4.60	Tinggi
B8	Aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> mudah digunakan.	0.50	4.60	Tinggi
B9	Arahan dan menu navigasi membantu saya menggunakan aplikasi mudah alih ini.	0.57	4.50	Tinggi
B10	Paparan grafik, warna, imej dan ikon dalam aplikasi mudah alih ini sangat menarik dan interaktif.	0.49	4.63	Tinggi
Min Keseluruhan			4.41	Tinggi

8.3 Tahap Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Aplikasi Mobil *Basic Mandarin Languange*

Jadual 6 menunjukkan skor min bagi tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange*. Min keseluruhan ialah 4.47 iaitu berada dalam tahap tinggi. Item yang memperoleh min tertinggi adalah item C8 iaitu 4.57 dan item C1 dan C7 merupakan skor min kedua tertinggi iaitu sebanyak 4.53. Manakala skor min yang terendah adalah C9 iaitu 4.33, tetapi masih dalam berada dalam tahap julat tertinggi. Sebagai rumusan, pelajar yang mempelajari Bahasa Mandarin mempunyai sikap berikut:

- i. mencadangkan aplikasi mudah alih ini kepada rakan-rakan.
- ii. minat mempelajari Bahasa Mandarin menggunakan aplikasi mudah alih ini.
- iii. menarik minat untuk menulis di dalam Bahasa Mandarin.

Jadual 6: Taburan min sikap pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange*.

Bil	Item	SP	Min	Tahap
C1	Saya berminat mempelajari Bahasa Mandarin menggunakan aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> .	0.63	4.53	Tinggi

C2	Saya suka belajar menggunakan aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> .	0.63	4.43	Tinggi
C3	Saya berasa seronok apabila mengakses aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> .	0.62	4.40	Tinggi
C4	Saya mudah mempelajari asas Bahasa Mandarin dengan menggunakan aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> .	0.58	4.48	Tinggi
C5	Saya seronok menggunakan aplikasi <i>Basic Mandarin Languange</i> kerana mudah diakses di mana sahaja.	0.68	4.43	Tinggi
C6	Modul asas Perkataan Baru Dalam Bab dan Dialog di dalam <i>Basic Mandarin Languange</i> menarik minat saya untuk saya berkomunikasi di dalam Bahasa Mandarin.	0.57	4.50	Tinggi
C7	Modul asas Kemahiran Menulis Perkataan di dalam <i>Basic Mandarin Languange</i> menarik minat saya untuk menulis di dalam Bahasa Mandarin.	0.57	4.53	Tinggi
C8	Saya mencadangkan aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> ini kepada rakan-rakan.	0.73	4.57	Tinggi
C9	Saya dan rakan-rakan suka menggunakan aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> dalam proses pembelajaran kami.	0.80	4.33	Tinggi
C10	Aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> banyak membantu saya mengulangkaji pelajaran Bahasa Mandarin.	0.63	4.50	Tinggi
Min Keseluruhan			4.47	Tinggi

8.4 Tahap Kesiediaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Aplikasi Mobil *Basic Mandarin Languange*

Jadual 7 menunjukkan taburan min tahap kesiediaan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange*. Keseluruhan 10 item mendapat respons yang sangat positif dan skor min keseluruhan mendapat 4.61, iaitu berada pada tahap paling tinggi di antara min keseluruhan pengetahuan dan sikap. Item yang paling tertinggi min adalah item D1 iaitu sebanyak 4.83 dan diikuti dengan item D2 iaitu 4.77. Item yang paling terendah nilai min adalah item D9 ialah 4.47. Berdasarkan min keseluruhan tertinggi dapat dirumuskan bahawa pelajar bersedia untuk menggunakan aplikasi mudah alih dalam proses pembelajaran kerana:

- i. mempunyai telefon pintar atau komputer.
- ii. mempunyai akses terhadap internet.
- iii. seronok belajar dengan menggunakan sokongan bantuan teknologi maklumat.

Jadual 7: Taburan min kesediaan pelajar terhadap pembelajaran aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange*.

Bil	Item	SP	Min	Tahap
D1	Saya mempunyai telefon pintar atau komputer.	0.38	4.83	Tinggi
D2	Saya mempunyai akses terhadap internet.	0.57	4.77	Tinggi
D3	Saya mahir dalam muat turun (download) dan menetapkan (install) aplikasi mudah alih ke dalam telefon pintar atau komputer.	0.68	4.60	Tinggi
D4	Saya bersedia menggunakan aplikasi <i>Basic Mandarin Languange</i> .	0.62	4.60	Tinggi
D5	Aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> memudahkan saya mempelajari asas Bahasa Mandarin dengan cepat.	0.68	4.57	Tinggi
D6	Aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> menyerupai cetakan Modul Asas Bahasa Mandarin.	0.68	4.50	Tinggi
D7	Saya boleh belajar Bahasa Mandarin semasa di dalam bilik kuliah dengan menggunakan aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> .	0.68	4.50	Tinggi
D8	Saya boleh belajar Bahasa Mandarin semasa di luar bilik kuliah atau di asrama dengan menggunakan aplikasi mudah alih <i>Basic Mandarin Languange</i> .	0.50	4.53	Tinggi
D9	Saya seronok belajar dengan menggunakan bahan cetakan seperti buku atau modul pembelajaran.	0.68	4.47	Tinggi
D10	Saya seronok belajar dengan menggunakan teknologi maklumat.	0.55	4.67	Tinggi
Min Keseluruhan			4.61	Tinggi

9. Perbincangan

Hasil dapatan kajian ini dianalisis secara terperinci bagi mengetahui sejauh mana tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Mandarin dengan menggunakan aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange*. Kajian boleh dikaitkan dengan demografi soal selidik Bahagian A bahawa pelajar lelaki lebih gemar menggunakan aplikasi perisian berbanding pelajar perempuan kerana sifat ingin tahu dikalangan pelajar lelaki adalah lebih tinggi. Manakala sekiranya dikaitkan dengan tahap pendidikan, pelajar yang sedang mempelajari Ijazah Sarjana Muda lebih cenderung untuk menggunakan aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange* dan mempelajari sesuatu yang baharu berbanding pelajar Diploma. Akhir sekali pengkhususan Pengajian Islam lebih tinggi responden kerana secara umumnya bilangan pelajar di pengkhususan Pengajian Islam lebih ramai pelajar di KUIS berbanding pengkhususan lain.

Kajian menunjukkan min keseluruhan yang tinggi sebanyak 4.41 berada pada tahap tinggi. Pelajar berpendapat bahawa aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange* mudah digunakan. Di samping itu pelajar berpengetahuan tinggi dalam penggunaan aplikasi mudah alih apabila pelajar menyatakan bahawa paparan grafik, warna, imej dan ikon dalam aplikasi mudah alih ini sangat menarik dan interaktif. Selain itu pelajar juga mengambil tahu bahawa penggunaan strok tulisan yang dimainkan dalam modul Kemahiran Menulis Perkataan sangat membantu pelajar dalam mempelajari penulisan Bahasa Mandarin. Pengetahuan pelajar dapat diperkembangkan melalui medium media baharu yang digunakan dengan kaedah penyampaian kurikulum dalam bentuk yang lebih interaktif dan inovasi. Penggunaan komputer dan peranti mudah alih merupakan medium media baharu dalam membudayakan pembelajaran di dalam kelas [Nikou SA & Economides AA (2016)].

Kajian ini juga mendapat skor min keseluruhan adalah 4.47 yang berada pada tahap tinggi bagi kajian terhadap sikap pelajar dalam pembelajaran Bahasa Mandarin dengan menggunakan aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange*. Penggunaan aplikasi mudah alih ini dapat menarik minat pelajar mempelajari Bahasa Mandarin dan memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar penulisan di dalam Bahasa Mandarin. Ini kerana aplikasi mudah alih ini mengandungi modul pembelajaran yang sangat interaktif selain mempelajari perkataan baharu, dialog dan kemahiram menulis perkataan dengan menggunakan strok tulisan. Menerusi kajian ini juga mendapati pelajar akan mencadangkan aplikasi mudah alih ini kepada rakan-rakan yang ingin mempelajari Bahasa Mandarin. Menerusi kajian Ciampa K (2014) ada menyatakan bahawa pelajar boleh belajar dengan cara tersendiri, bantu membantu antara satu sama lain dan menawarkan nasihat kepada satu sama lain melalui penggunaan aplikasi pembelajaran.

Pada bahagian kajian tahap kesediaan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Mandarin dengan menggunakan aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange* menunjukkan keseluruhan item mendapat respon yang sangat positif dengan min keseluruhan 4.61 yang berada pada tahap paling tertinggi. Kajian pada bahagian ini dapat dirumuskan bahawa pelajar telah bersedia untuk menggunakan aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange* dalam proses pembelajaran Bahasa Mandarin. Ini kerana dapat dijelaskan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai telefon pintar atau komputer riba dan mudah akses terhadap capaian internet di mana sahaja. Disamping itu, pelajar juga berasa seronok belajar dengan menggunakan sokongan bantuan teknologi maklumat. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan menyeronokkan kepada pelajar dengan berkeupayaan kewujudan TMK [Ciampa K (2014), Fook & Gurnam (2013) dan Granito & Chernobilsky (2012)].

1.0 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi mudah alih *Basic Mandarin Languange* bagi tujuan pembelajaran asas Bahasa Mandarin diterima dengan sikap positif oleh pelajar-pelajar yang mengambil subjek Bahasa Mandarin khususnya di KUIS. Calon-calon responden juga merupakan penyumbang utama kepada kajian soal selidik ini terutama dari segi jatina, tahap pengajian dan pengkhususan. Disulami dengan pengetahuan pelajar terhadap penggunaan aplikasi mudah alih ini serta minat pelajar terhadap ciri-ciri menarik yang terdapat dalam aplikasi mudah alih ini mendorong pelajar mempelajari Bahasa Mandarin dengan lebih seronok dan interaktif. Hal ini merupakan permulaan yang baik untuk kesediaan pelajar terhadap penggunaan pembelajaran secara maya.

Melalui kajian ini juga telah terbukti bahawa, pelajar merupakan kurator pengetahuan yang mahir terhadap kurikulum yang telah dipelajari dan disampaikan dalam kepelbagaian bentuk dan rangkaian. Kepantasan ilmu aplikasi dan evolusi teknologi maklumat telah mengubah corak pendidikan dan saluran penyampaian ilmu sejajar dengan seruan Kementerian Pendidikan Pengajian Tinggi melalui MyHE 4.0.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kumpulan pelajar yang mengambil matapelajaran Bahasa Mandarin di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang telah sudi menjadi responden kepada soal selidik ini.

Rujukan

- Chua YP (2011). Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan. McGraw-Hill Education.
- Ciampa K (2014). Learning in a Mobile Age: An Investigation of Student Motivation. *Journal of Computer Assisted Learning* 30(1): 82-96.
- Ross C and Ma JHS (2006). Modern Mandarin Chinese Grammar. *The Mandarin syllable*, 30.
- El-Hussein M, Osman M, & Cronje JC (2010). Defining mobile learning in the higher education landscape. *Journal of Educational Technology & Society* 13(3).
- Fook CY and Gurnam KS (2013). Peranan Teknologi Maklumat Terhadap Peningkatan Motivasi Pembelajaran di Kalangan Pelajar Universiti. *Journal of Chemical Information and Modeling* 53(9): 1689–1699.
- Gay LR and Diehl PL (1992). Research Methods for Business and Management. In Hil, R. (1998), "What Sample Size Is "Enough" In Internet Survey Research"? *Interpersonal Computing and Technology: An electronic Journal for 21st Century*.
- Granito M and Chernobilsky E (2012). The Effect of Technology on a Student Motivation and Knowledge Retention. *NERA Conference Proceedings 2012*.
- Hill R (1998). What Sample Size Is "Enough" In Internet Survey Research? *Interpersonal Computing and Technology: An electronic Journal for 21st Century*.
- Islam MR, Islam MR, Mazumder, Tahidul A (2010). Mobile Application and Its Global Impact. *International Journal of Engineering & Technology IJET-IJENS* 10(6): 72-78.
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (2018). Framing Malaysian Higher Education 4.0 Future-Proof Talent. Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kler S (2014). ICT Integration in Teaching and Learning: Empowerment of Education with Technology. *Issues and Ideas in Education* 2(2): 255–271.

Maimun AL, Wan NSW and Mohd Isa H (2017). Tahap Pengetahuan Dan Kesiapan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1): 1-13.

Mohd Majid K (2000). “Kaedah Penyelidikan Pendidikan.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nawi A, Yusoff AFM, Ajmain HH and Abbas MRG (2014). Engaging student through ICT: Strategies and challenges for using website in teaching and learning. *International Journal on New Trends in Education and Their Implications*, 91.

Nikou SA, and Economides AA (2016). The Impact of Paper-Based, Computer-Based And Mobile-Based Self-Assessment On Students’ Science Motivation And Achievement. *Computers in Human Behavior* 55: 1241–1248.

Rahamat R, Shah PM, Din RB and Aziz JBA (2017). Students’ Readiness and Perceptions Towards Using Mobile Technologies For Learning The English Language Literature Component. *The English Teacher*, 16.

Shuib AS, Siraj S, and Abdullah MRTL (2010). M-Learning curriculum design for secondary school: A needs analysis. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, 66:1638-1643.

Stockwell, R. (2010). Using Mobile Phones For Vocabulary Activities: Examining The Effect Of The Platform. *Language Learning & Technology*. June 2010 14(2): 95–110.

Wai ISH, Ng SSY, Chiu DKW, Ho KKW and Lo P (2018), Exploring undergraduate students’ usage pattern of mobile apps for education. *Journal of Librarianship and Information Science* 2018, 50(1): 34/47.

Wu Haopeng and Satjharut K (2019). Using Mobile Application for Teaching Chinese Vocabulary in Thailand High School. *The 43rd ASAIHL Thailand Conference: The Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning*.